



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 19 DISEMBER 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MARITIM MALAYSIA RAMPAS BENIH KERANG LEBIH RM80,000, DALAM NEGERI, UM -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	3 BOT NELAYAN DITAHAN TANGGUK BENIH KERANG SECARA HARAM, DALAM NEGERI, UM -31	
3.	HASIL TELUR TEMPATAN MEROSOT MULAI JANUARI DEPAN, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	LAIN-LAIN
4.	BEKALAN TELUR KEMBALI MERUNCING, NASIONAL, BH -17	
5.	BEKALAN SAYUR PULIH, HARGA DIJANGKA TURUN BULAN DEPAN, NEGARA, KOSMO -16	
6.	PETANI MISKIN ANGKARA KARTEL, SISTEM YANG MENJERAT - MB, WAWANCARA, HAKAKAH -H18	
7.	CABARAN TERBESAR MENERAJUI SEKTOR PERTANIAN TERENGGANU, NASIONAL, HAKAKAH -H10	
8.	MANFAAT INSTITUSI ZAKAT DALAM SEKURITI MAKANAN, KOMENTAR, BH -11	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Maritim Malaysia rampas benih kerang lebih RM80,000

KANGAR: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Perlis menahan tiga bot fiber yang dipercayai melakukan aktiviti menangkup benih kerang secara haram di sekitar perairan Kuala Sanglang, di sini, kelmarin.

Ketiga-tiga bot berkenaan ditahan di lokasi berbeza pada kedudukan 0.5 hingga 2.4 batu nautika dari barat laut Kuala Sanglang sekitar pukul 6.30 petang menerusi rondaan Op Aman.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, hasil pemeriksaan awal mendapati semua bot berkenaan yang berpangkalan di Kedah itu melakukan aktiviti menangkup benih kerang secara haram di perairan negeri ini.

"Ketiga-tiga bot itu masing-masing dikemudikan oleh seorang tekong dan dua awak-awak warga tempatan berumur antara 30 hingga 68 tahun," katanya semalam.

Mohd Hashim berkata, semua tekong, awak-awak, bot dan hasil tangkapan benih kerang dianggarkan bernilai RM80,820 dibawa masuk ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 Seksyen 8 (a) kerana tiada nombor pendaftaran dan Seksyen 8 (b) Peraturan 8 kerana melanggar syarat sah lesen.

"Kerang amat penting dalam ekonomi dan ia menjadi penanda aras bagi kepelbagaian biodiversiti serta kelestarian sumber perikanan yang terdapat di perairan kita," katanya.

3 bot nelayan ditahan tangguk benih kerang secara haram

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Perlis menahan tiga bot fiber yang dipercayai melakukan aktiviti menangguk benih kerang secara haram di sekitar perairan Kuala Sanglang, di sini, semalam.

Ketiga-tiga bot berkenaan ditahan di lokasi berbeza pada kedudukan 0.5 hingga 2.4 batu nautika dari barat laut Kuala Sanglang sekitar pukul 6.30 petang menerusi rondaan Op Aman.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd. Hashim Mat Zain berkata, hasil pemeriksaan awal mendapati semua bot berkenaan yang berpangkalan di Kedah itu melakukan aktiviti menangguk benih kerang secara haram di perairan negeri ini.

"Ketiga-tiga bot itu masing-masing dikemudikan oleh seorang tekong dan dua awak-awak warga tempatan berumur antara 30 hingga 68 tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohd Hashim berkata, semua tekong, awak-awak, bot dan hasil tangkapan benih kerang dianggarkan



SALAH sebuah bot yang ditahan menerusi Op Aman selepas dipercayai melakukan aktiviti menangguk benih kerang secara haram di sekitar perairan Kuala Sanglang, Perlis, semalam - UTUSAN

bernilai RM80,820 dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 Seksyen 8 (a) kerana tiada nombor pendaftaran dan Seksyen 8 (b) Peraturan

8 kerana melanggar syarat sah lesen.

"Kerang amat penting dalam ekonomi dan ia menjadi penanda aras bagi kepelbagaian biodiversiti dan kelestarian sumber perikanan yang terdapat di perairan kita," katanya.

Tambah beliau, pihaknya juga

memohon kerjasama orang ramai supaya dapat melaporkan segera sebarang kes penyeludupan dan jenayah maritim yang berlaku di perairan negeri ini.

"Sebarang laporan, aduan dan kecamasan di laut boleh terus berhubung AFMM menerusi talian 24 jam iaitu MERS 999," ujarnya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Hasil telur tempatan merosot mulai Januari depan

Oleh FAHMI FAIZ
fahmi.faiz@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia dijangka berdepan krisis telur ayam yang semakin kritikal susulan polisi kerajaan mengimport sumber itu dari India, dengan bekalan telur tempatan dijangka susut sehingga 40 peratus bermula Januari tahun depan berbanding 30 juta biji yang dihasilkan setiap hari.

Satu sumber pengeluar telur ayam memberitahu *Utusan Malaysia*, lambakan telur import akan 'membunuh' ladang-ladang ayam penelur tempatan, mengakibatkan penternak tidak mahu melanjutkan tempoh pengeluaran.

Kata sumber, purata penghasilan telur ayam dalam negara sebanyak 30 juta biji sehari, namun susulan keputusan mengimport bekalan tersebut maka pengeluaran domestik bermula Januari tahun depan dijangka menyusut kepada 18 juta biji.

Jelas sumber, apabila 'malapetaka telur' itu berlaku, kerajaan terpaksa bergantung kepada telur ayam yang diimport dari sumber luar secara berterusan.

Katanya, senario ini mendedahkan negara kepada bencana keselamatan makanan kerana kebergantungan kepada pembekal telur luar negara mengakibatkan Malaysia terdedah kepada keputusan bekalan tanpa mempunyai sebarang jaminan daripada pengeluar telur tempatan.

Bersambung di muka 2

Hasil telur tempatan merosot mulai Januari depan

Dari muka 1

“Sekarang ini, bila kerajaan sebut langkah import telur India ini cuma bersifat sementara, tapi pengeluar tidak percaya. Pengeluar telur domestik sudah bersepakat untuk *cull* atau menakai ayam masing-masing. Maksudnya, mahu jual saja ayam telur sebagai ayam pencen.

“Buat apa lagi kami mahu perjudikan perniagaan kami, sedangkan kerajaan cuma ambil langkah tanpa memikirkan kesan jangka panjang.

“Bila ayam itu ditakai, maka pengeluaran telur domestik akan menyusut. Kami jangka, krisis kekurangan telur domestik akan mula berlaku mulai Januari tahun depan, menyusut sebanyak 40 peratus,” kata sumber itu semalam.

Menjelaskan lanjut, sumber berkata, sebelum Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), kerajaan mengadakan libat urus dan rundingan dengan penternak ayam telur, memohon mereka melanjutkan tempoh pengeluaran telur kepada 100 minggu berbanding 80 minggu dan perkara itu dipersetujui kedua-dua pihak.

Namun kata sumber, keadaan sebaliknya berlaku apabila belum sempat penternak memberikan komitmen melanjutkan had pengeluaran telur, ada pihak telah melobi kerajaan untuk membawa masuk telur ayam dari India.

“Sebelum ini, kerajaan minta kami lanjutkan tempoh hayat pengeluaran kepada 20 minggu tambahan. Sebelum ini,



Kami jangka, krisis kekurangan telur domestik akan mula berlaku mulai Januari tahun depan, menyusut sebanyak 40 peratus.”

ayam bertelur dalam tempoh 80 minggu, tapi kami setuju lanjutkan kepada 100 minggu untuk membantu penghasilan telur dalam negara. Tapi, bila kerajaan mengumumkan polisi import telur, ini merisikokan perniagaan pengusaha telur tempatan dan memang banyak ladang-ladang tempatan akan takai ayam telur masing-masing,” katanya.

Pada masa sama, sumber berkata, meskipun kerajaan mengumumkan langkah mengimport telur cuma bersifat sementara, namun keputusan yang dibuat secara tergesa-gesa itu telah menjejaskan ekosistem pengeluaran telur tempatan.

“Kebimbangannya begini, kerajaan memaklumkan langkah mengimport telur ini bersifat sementara. Kerajaan juga janji, enam bulan saja untuk import.

“Mereka juga minta pengeluaran telur mengemukakan semaksimum mungkin telur masing-masing dalam tempoh enam bulan. Tapi, bila sudah jadi begini, kerajaan ingat pen-

gusaha mahu ikut? Kami ini berniaga,” kata sumber.

Mengulas perbezaan telur ayam import dan tempatan, sumber berkata, telur ayam yang diimport boleh dikesan berdasarkan kepada kulit telur dari India yang berwarna putih manakala kulit telur ayam tempatan kebanyakan berwarna kuning.

“Ada beberapa ramuan dalam makanan ayam penelur, yang mana kalau dibuang daripada campuran dedak, telur yang terhasil akan berwarna putih. Di India, kebanyakan telur berkulit putih, kerana mereka mirip Britain yang mana kulit telur di sana warna putih.

“Jadi, telur-telur yang diimport dari India ke Malaysia adalah berwarna putih. Ini bukan telur ayam kampung, malah di pasaran sebelum ini pun, pihak yang menjual telur kulit putih dan mendakwa itu telur ayam kampung, sebenarnya tak betul. Itu telur ayam biasa, cuma ramuan makanan ayam penelur itu yang diubah,” kata sumber.

Kelmarin, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) membenarkan kemasukan telur ayam import dari India melalui laluan udara sebagai fasa percubaan.

Kementerian itu dalam kenyataan berkata, inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar bukanlah untuk menekan pengusaha industri telur ayam tempatan.

Sebaliknya, kata MAFS, langkah itu bagi memastikan kecukupan bekalan telur ayam dalam negara dengan harga yang kompetitif.

Bekalan telur kembali meruncing

Pemborong di Kuala Terengganu dakwa kali terakhir terima barangan Khamis lalu

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Bekalan telur ayam di negeri ini dilihat kembali meruncing selepas kali terakhir beberapa pemborong hanya memperoleh sumbu-ber protein itu pada Khamis lalu.

Tinjauan ke tiga syarikat pemborong di sekitar bandar raya ini mendapati premis kosong kerana ketiadaan bekalan telur menyebabkan pembeli yang datang terpaksa pulang dengan hampa.

Pengurus syarikat pemborong



Nursyzanil melayan pelanggan di premisnya yang kehabisan bekalan telur di Cabang Tiga, Kuala Terengganu. (Foto Baharom Bakar/BH)

telur di Cabang Tiga, Nursyzanil Adha Ramli, berkata kali terakhir bekalan telur ayam diperolehnya 3,000 papan mengandungi 90,000 biji, Khamis lalu.

Beliau berkata, syarikat pembekal mendakwa bekalan telur tidak mencukupi untuk diedaran kepada pemborong.

"Mereka (syarikat pembekal) berjanji untuk menghantar telur pada Rabu atau Khamis ini, tetapi tidak boleh memberi jaminan jumlah keseluruhannya

yang akan dihantar," katanya.

Semua telur habis

Pengurus syarikat Bigpoly Supplies, Fuan Chai Feng, berkata semua telur ayam, termasuk jenis Omega habis sejak Rabu lalu.

"Kali terakhir kami menerima bekalan itu sebanyak 4,000 papan mengandungi 120,000 biji telur pada Selasa lalu.

"Bekalan berkenaan terus dihantar ke tiga premis cawangan syarikat di Kuala Terengganu, termasuk di Cabang Tiga dan Gong Badak untuk dijual secara runcit kepada pelanggan.

"Setakat ini, kami belum menerima maklumat mengenai penghantaran bekalan terbaru daripada pembekal," katanya mengesahkan telur jenis Omega turut kehabisan di semua premis syarikat itu, termasuk di Kota Bharu, Kelantan.

Sementara itu, pengguna, Haliyah Awang, 48, berkata beliau sukar mendapatkan bekalan telur ayam sejak Isnin lalu.

"Bekalan telur ayam bukan saja sukar diperolehi di pasar raya dan kedai runcit, malah di syarikat pemborong juga.

"Saya terpaksa pergi ke tiga syarikat pemborong hari ini (semalam) untuk mendapatkan bekalan, tetapi pulang hampa kerana ia sudah kehabisan," katanya.



BEKALAN sayur yang terjejas berikutan musim tengkujuh turut mengakibatkan harganya melambung tinggi. - GAMBAR HIASAN

Bekalan sayur pulih, harga dijangka turun bulan depan

IPOH - Bekalan sayur-sayuran dijangka pulih hujung Januari depan apabila musim tengkujuh berakhir dan petani dapat mengeluarkan semula hasil mereka.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri berkata, sehubungan itu, orang ramai tidak perlu panik kerana kenaikan harga dialami ketika ini hanyalah untuk sementara.

"Jangan panik, keadaan ini (harga tinggi dan bekalan rendah) hanyalah disebabkan oleh faktor cuaca tidak baik yang bermula sejak Oktober lalu serta me-

muncak pada bulan ini. "Pengeluaran sayur yang rendah bukan hanya berlaku di lokasi seperti Cameron Highlands semata-mata bahkan turut terjadi di Pantai Timur apabila tiba musim tengkujuh," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenaikan harga sayur-sayuran yang direkodkan ketika ini akibat musim tengkujuh di seluruh negara.

Pada masa sama, Abdul Rashid turut menasihati orang ramai agar cuba menukar menu masakan berasaskan sayur-sayuran berdaun seperti bayam

dan sawi kepada jenis berbuah, antaranya terung, labu dan tomat.

"Selain itu, orang ramai juga boleh mengamalkan ulam-ulaman kampung seperti kacang botol bagi menggantikan sayur-sayuran berdaun," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pekebun Sayur Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd. Rahman Syed Abd. Rashid berkata, pihaknya berharap harga komoditi tersebut stabil pada setiap masa.

"Jika ini dapat dicapai bererti kita telah kawal pengeluaran dan penggunaan sayur-sayuran dengan berkesan," katanya.

19/12/2022

HARAKAH

WAWANCARA

H18

Petani miskin angkara kartel, sistem yang menjerat - MB

Oleh SARINA ISMAIL

ALOR SETAR: Sebelum wujudnya Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan Lembaga Padi Negara (LPN) para petani (pewah) sudah diliputi kemiskinan akibat kitaran penghasilan padi dan industri padi telah dikawal oleh kartel-kartel besar sejak puluhan tahun lamanya.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, petani miskin bukan kerana syarikat-syarikat konglomerat tidak membantu mereka memberi wang RM10 juta atau 50 juta tetapi sistem-sistem yang dikenakan menjerat mereka.

"Mereka miskin kerana



Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor

na kitaran penghasilan padi dan industri padi telah dikawal oleh kartel-kartel besar sejak puluhan tahun lamanya.

"Malah sebelum wujudnya BERNAS dan LPN pun petani sudah miskin. Sejak sistem padi kunca mula dikenakan oleh

pemborong dan pengilang padi, kemiskinan pesawah padi telahpun direncana supaya tidak akan berakhir," demikian antara luahan beliau yang dilakarkan di laman sosialnya 6 Disember lalu.

Seolah menyasarkan tulisannya kepada Perdana Menteri ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim, beliau mahukan kisah duka para pesawah ini dikaji dan dilihat punca sebenarnya.

Kata Sanusi, petani juga telahpun miskin bukan sahaja sebelum wujudnya BERNAS mahupun LPN tetapi juga sebelum adanya Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada 1973 lagi.

"Kita semua ada membaca, novel Ranjau Sepanjang Jalan, Jeha dan Lahuma di dalam novel itu adalah watak sebenar keluarga petani Melayu miskin. Kemiskinan Jeha dan Lahuma itulah menjadi pendorong tertubuhnya MADA," jelasnya lagi.

Ujarnya lagi, sama ada disedari atau tidak, sejak sekian berbilang ringgit bantuan dan subsidi diturunkan melalui agensi-agensinya di rancangan penanaman padi, petani kekal miskin kerana laba dan marisnya telah pergi kepada pihak lain.

"Segala sudut dalam industri padi, daripada input benih, baja, rancangan, mesin dalam proses penanaman sehingga

lah kepada pemasaran, pengilangan, dan pengurusan skim bantuan, ada pihak yang telah mengahalnya sejak puluhan tahun dan merekalah pihak yang paling beruntung. Mereka inilah sebenarnya kartel padi," tambah beliau.

Kartel padi katanya telah membelit sistem, kaedah dan proses dalam industri penanaman padi dengan pelbagai pendekatan bermula dari atas hinggalah ke bawah.

Termasuklah benih subsidi padi hinggalah ke tumbangan dan potong basah di kilang, traktor, jetuai, lori, input baja, rancangan, kuota benih dan variety serta dari parit gila. Malah tegasnya Kementerian Pertanian

(MAFI), Persatuan Peladang Kawasan (PPK) hingga ke Nafas, semuanya seolah-olah berada dalam mulut naga.

"Jika keseluruhan sistem yang terbelit ini tidak dirungkat, 10 orang Syed Mokhtar pun tidak akan berupaya mengeluarkan petani daripada kemiskinan mereka.

"Berapa lamakah seorang Syed Mokhtar sanggup memberikan RM50 juta setahun untuk menyelesaikan kemiskinan pasawah padi? Mengarahkan orang kaya

import beras menyumbang kepada petani adalah langkah populis, menunjukkan nujuk, bukan langkah menyelesaikan masalah kemiskinan petani," katanya.

Cabaran terbesar menerajui sektor pertanian Terengganu

Oleh **YB DR AZMAN IBRAHIM**

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa

TENTUNYA tanpa ragu kita jawab, cabaran paling besar ialah untuk mengubah cara berfikir sama ada cara berfikir pegawai kerajaan serta rakyat.

Yang kita perlukan ialah sepasukan pegawai yang komited dan jujur, tidak sekadar membentuk kakan laporan berbentuk kosmetik apabila diminuta sedangkan realitinya jauh berbeza, ada kreativiti, bersegera dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan seterusnya melayan rakyat dengan sebaiknya.

Saya tak kisah dengan pegangan politik masing-

masing dalam kalangan pegawai, tapi mereka perlu menjadi pegawai yang berkhidmat dengan *'government of the day'*. Orang politik datang dan pergi silih berganti, pegawai akan berkhidmat sampai habis kontrak atau pencen.

Satu lagi saya tekankan, biarlah kita sebagai kakitangan kerajaan ada *'sense of belonging'* dengan tempat kita kerja cari rezeki. Pernah di-

awal pertukaran kerajaan dulu, saya tanya seorang pegawai, sebab apa kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) ini banyak semak samun? Dalam TKPM ini ramai peserta dan staf. Boleh beli racun rumput dan buat gotong-ro-ping. Jawapan beliau agak mencuit gegandang telinga. "Ini kawasan milik kerajaan, sepatutnya

kerajaan keluarkan tender untuk kerja pemberian sihan!" Habis tu awak datang kerja 8 pagi - 5 petang buat apa? Semua benda nak harap tender.

Saya juga inginkan sekumpulan pegawai yang rapat dengan rakyat. Buka pintu pejabat seluasnya untuk melayan rakyat. Bila rakyat mari pejabat, tentunya ada urusan yang mereka per- urus. Sempurnakan dan uru- san ini hanya boleh buat di pejabat. Jangan biarkan mereka meninggalkan pe- jabat dengan hampa.

Buat kerja jangan bertanggungjawab. Istilah saya, jangan ada file tidur atas meja. Biarlah file tidur atas rak dengan mak- na kerja telah siap dan file boleh disimpan. Kerja hari ini siapkan segera hari ini. Esok kerja baharu akan datang. Bila ker-

ja kelmari belum siap, maka ia akan menimbun.

Follow up setiap tugas dan kerja sampai selesai. Jangan berhenti setengah jalan kemudian buat tak fahu. Nak kena tanya dulu baharu kalut semula.

Saya juga tak berapa gemar dengan jawapan dalam mesyuarat menggunakan istilah 'masih diperingkat kajian atau kerja dalam proses'. Setahun masa berlalu masih tak selesai lagi kaji. Bila nak mula kerja? Kalau masih dalam proses, perincikan peringkat mana sekarang? Proses reka bentuk, proses tender, proses nak masuk tapak atau proses apa?

Setelah melalui satu



Orang politik datang dan pergi silih berganti, pegawai akan berkhidmat sampai habis kontrak atau pencen.

tempoh yang penuh cabaran, tahmah saya ucapkan kepada Team Pertanian Terengganu. Aspirasi ini dapat dihidmatkan dengan baik dan diterengganu.

jemahkan dalam bentuk pelaksanaan. Kami kini memiliki sebuah pasukan yang padu. Inilah Keluarga Pertanian Negeri Terengganu.

19/12/2022

BERITA

11

KOMENTAR

11

HARIAN

Manfaat institusi zakat dalam sekuriti makanan

Oleh Dr Muhammad Hafiz Badaruzzaman
bhrencana@bh.com.my

Menurut Jabatan Perangkaan, jumlah wang negara Malaysia pada tahun ini dianggarkan 30.2 juta berbanding 30 juta pada 2021. Daripada jumlah itu, komposisi Bumiputera meningkat 0.3 peratus kepada 69.9 peratus pada 2022 berbanding 69.6 peratus pada 2021.

Peratusan penduduk Cina dan India menurun, manakala jumlah etnik lain tidak berubah. Menariknya, peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas juga meningkat daripada 7 peratus kepada 7.3 peratus bagi tempoh sama.

Berdasarkan definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia kini ke arah menjadi negara menua. Peningkatan populasi ini secara tidak langsung meningkatkan permintaan makanan dalam negara.

Sejajar dengan itu, kerajaan melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2050 (DAN 2.0) bertujuan memberikan tumpuan khusus terhadap usaha meningkatkan sekuriti makanan negara.

Dalam menjayakan agenda transformasi sistem makanan negara serta menyelesaikan krisis komoditi bekalan ternakan khususnya telur, agensi mengurus zakat (AMZ) dilihat mampu membantu untuk menjamin bekalan makanan asas kepada penduduk Malaysia amnya dan golongan asnaf khususnya.

AMZ boleh mewujudkan geran khas pembangunan usahawan industri ternakan ayam bagi menjamin pengeluaran optimum dan produktiviti se-

cara berterusan supaya industri ini terus kekal berdaya saing dan memenuhi tahap sara diri (SSL), komponen utama sekuriti makanan.

SSL digunakan sebagai penunjuk untuk mengukur kemampuan sebuah negara untuk memenuhi keperluan makanan daripada pengeluaran domestiknya sendiri.

Model boleh dijadikan rujukan menjayakan mekanisme ini ialah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang membangunkan inisiatif Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (SMART SBB) di Yan, Kedah.

Projek ini membabitkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) serta 32 peserta dengan kawasan tanaman seluas 100 hektar.

Inisiatif ini dijangka meningkatkan hasil pengeluaran padi sehingga tujuh tan per hektar berbanding purata antara tiga hingga 3.5 tan diha silkan petani konvensional ketika ini.

Ungkat pendapatan, turunkan kemiskinan

Tidak mustahil sekiranya AMZ di negeri seluruh Malaysia dapat membangunkan konsep sama seperti LZNK. Inisiatif ini selaras dengan DAN 2.0 menerusi Strategi Meningkatkan Pertumbuhan

dan Kemampunan dalam Industri Ternakan Ayam/Hik.

Secara tidak langsung sasaran utama SSL menjelang 2030 untuk menghasilkan 123 peratus bagi telur ayam boleh dipenuhi.

Paling utama, jika gagasan inisiatif ini berjaya direalisasikan, usaha untuk membina dan membangun kehidupan golongan asnaf bagi memenuhi keperluan asas dan keperluan lain turut boleh dicapai.

Di samping itu, gagasan idea ini juga dapat meningkatkan pendapatan dan menurunkan kadar kemiskinan serta mengurangkan jurang kaya serata miskin di negara ini.

Inisiatif ini juga dilihat mampu mewujudkan peluang pekerjaan dan golongan asnaf supaya tidak perlu bergantung lagi kepada sumber zakat semata-mata.

Ini bermakna, idea mewujudkan usahawan dalam industri tanaman dan ternakan dapat membantu golongan asnaf menjadi lebih berdikari, selain mengurangkan masalah pengangguran.

Apa yang penting, mekanisme terpilih mampu membawa transformasi kepada sistem pengeluaran makanan negara, termasuk jika dijayakan AMZ seluruh negara. Mekanisme ini juga mampu membantu memenuhi keperluan makanan dari pada pengeluaran domestik.



Ketua Unit Penyelidikan Syariah dan Undang-Undang Perniagaan Islam (SHURA), Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia (UUM)

